

Mary Fatimah Subet (2009, March 10-11). Analisis Teori Relevan (TR) dalam Personifikasi. Proceedings of Seminar Kebangsaan Linguistik 2009 (SKALI 09), UKM, Bangi.

Analisis Teori Relevan (TR) dalam Personifikasi

Oleh:

Mary Fatimah Subet

1.0 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang menerapkan Teori Relevan (TR) dalam analisis terhadap bahasa figuratif (BF), tetapi BF yang dikaji bukanlah BF daripada genre sajak. Kajian banyak berpusat kepada genre novel, cerpen, majalah humor, tatabahasa dan istilah seperti antara lain kajian Salmah Jabbar (1999), Maslida Yusof (1999), Muhammad Fauzi Jumingan (2003), dan Hasmidar Hassan (2006). Kajian ini merupakan kajian yang berusaha menerapkan TR dalam BF daripada genre sajak. Analisis TR akan dilakukan secara menyeluruh terhadap BF personifikasi yang dijadikan data dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan TR kerana menurut pengasas teori ini iaitu Sperber dan Wilson (1981), BF seperti metafora, ironi dan hiperbola yang jelas sekali melanggar maksim kerjasama Grice dalam kaedah implikurnya, masih ternyata tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej. Menurut mereka, mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan BF ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar. Kajian ini berpendapat pandangan ini selaras dengan beberapa kajian yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu yang banyak menggunakan kiasan dalam pertuturan mereka, malu untuk meluahkan perasaan mereka dan yang sering berselindung dalam percakapan mereka sebab jika bercakap secara langsung atau berterus-terang dikhawatiri akan menyinggung perasaan orang lain, misalnya, kajian R.J.Wilkinson dan R.O Winstedt (1957), C.Hooykaas (1965), Darus Ahmad (1974), M.G. Emeis (1975), Mohd.Taib Osman (1981), Asmah Haji Omar (1991), Nor Hashimah (1991, 1992, 1995), Tan Mek Leng (1994), dan Jamaliah Mohd Ali (1995). Masyarakat Melayu dikatakan banyak mengemukakan bahasa-bahasa kiasan dalam pertuturan mereka seperti melalui penggunaan peribahasa dan pantun dan dapatkan kajian menunjukkan walaupun cuma